

BAB 2 BAYARAN PENGAJIAN

2.1 BAYARAN PENGAJIAN

- 2.1.1 Terdapat 3 jenis Bayaran Pengajian yang perlu dijelaskan oleh pelajar yang berdaftar di institusi iaitu:
- i. Yuran Pengajian;
 - ii. Yuran Kamsis/Asrama/Kolej Kediaman; dan
 - iii. Bayaran Pelbagai
- 2.1.2 Semua pelajar **WAJIB** membayar Bayaran Pengajian yang dikeluarkan oleh institusi sebelum atau pada tarikh pendaftaran melalui akaun yang ditetapkan oleh institusi tertakluk pada peraturan/pekeliling/garis panduan sediaada yang sedang berkuatkuasa.
- 2.1.3 Pelajar yang tidak membayar Bayaran Pengajian **TIDAK LAYAK** menghadiri semua aktiviti akademik dan bukan akademik **KECUALI** pelajar yang telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran.
- 2.1.4 Pelajar dibenarkan membuat penangguhan Bayaran Pengajian berdasarkan kepada kelulusan institusi.
- 2.1.5 Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian perlu membayar yuran pengajian sesi semasa bagi mengekalkan status sebagai pelajar.
- 2.1.6 Pelajar yang diluluskan penangguhan pengajian sebelum mendaftar/melapor diri diwajibkan membayar bayaran insurans pelajar pada sesi semasa.

2.2 TUNTUTAN

- 2.2.1 Pelajar yang tangguh pengajian selepas mendaftar/melapor diri **TIDAK** boleh menuntut yuran pengajian/kolej kediaman.
- 2.2.2 Pelajar yang berhenti pengajian dalam tempoh 30 hari selepas tarikh pendaftaran/lapor diri dibenarkan menuntut yuran pengajian/ kamsis/asrama/kolej kediaman (jika berkenaan) tertakluk kepada prosedur dan tatacara kewangan semasa.